

03/04/1998

Tubuh tabung melalui bon

reports on "Dewan Rakyat" by Radzi Wahab; Bakhari Ariff
KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan disaran menubuhkan sebuah tabung yang dibiayai melalui bon, bertujuan meningkatkan mudah cair sistem perbankan, sekali gus dapat mengeluarkan pinjaman kepada sektor produktif.

Datuk Dr Kamal Salleh (BN-Wangsa Maju) ketika membahaskan ucapan terima kasih titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat hari ini berkata, langkah itu penting bagi mengatasi masalah pemberian kredit.

Sambil menyokong langkah kerajaan menggabungkan bank tempatan, beliau berkata kerajaan perlu mengambil langkah awal dan proaktif sebelum timbul masalah lain.

"Ketika kemelesetan ekonomi pada 1985 dan 1986, kerajaan menubuhkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) bersama pelan lain bagi pemulihan ekonomi ketika itu. Masa ini, saya sarankan kerajaan mengambil langkah awal bagi membantu usahawan yang mengalami masalah.

"Biar orang kata kerajaan `bail-out' atau menggunakan wang kerajaan bagi menyelamatkan usahawan berkenaan, asalkan ia telus, ada pengawasan ketat dan menuju terus kepada sasaran," katanya.

Beliau yakin langkah yang diambil kerajaan akan dapat mengatasi masalah kegawatan sekarang dan pelabur akan kembali ke Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) apabila pasaran rancak di Eropah dan Amerika mula menurun.

"Walaupun kegawatan ekonomi kita akan berlangsung selama satu atau dua tahun, kita akan dapat mempelajari dan membuat pembedahan pada dasar dan struktur ekonomi melalui reformasi seimbang," katanya.

Sementara itu, Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena) meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan buku politik pemimpin tertinggi negara kerana mengelirukan orang ramai berikutan menggunakan perkataan `sunnah' kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya minta KDN menyiasat `penaja' buku berkenaan sama ada di kalangan ahli politik Barisan Nasional (BN) atau pembangkang. Buku itu sesetengahnya dapat percuma," katanya.

Selain itu, Wan Hanafiah turut mencadangkan supaya kerajaan membina loji air di tasik yang tidak pernah kering seperti Tasik Chini dan Chenderoh.

"Jika kerajaan boleh membuat loji gas dan petroleum untuk diagihkan ke seluruh negara, kerajaan tentu boleh membina loji air bagi diagihkan ke seluruh negara," katanya.

Datuk Mohd Zihin Mohd Hassan (BN-Larut) pula meminta Kementerian Pendidikan menunaikan janjinya bagi membekalkan komputer kepada semua sekolah rendah dan menengah.

"Dalam era multimedia, setiap pelajar sepatutnya dibekalkan maklumat asas mengenai komputer serta dapat memanfaatkan teknologi terkini dalam multimedia," katanya.

Dr Tan Yee Kew (BN-Klang) pula meminta kerajaan mengkaji kembali peranan Unit Perancang Ekonomi (EPU) kerana terlalu mudah meluluskan penswastan agensi kerajaan.

Beliau berkata, EPU tidak mempunyai kemahiran teknikal, malah terpaksa bergantung kepada syarikat yang mencadangkan penswastan itu.

"Dalam masa dua tahun lalu, EPU meluluskan 200 projek penswastan dan mengkaji 1,000 kertas projek, sedangkan hanya ada 393 kakitangan," katanya.

Sebagai contoh, katanya, penswastan penyelenggaraan kenderaan milik kerajaan kepada Spenco menyebabkan kerajaan terpaksa membelanja RM10,000 setiap bulan.

M Kula Segaran (DAP-Teluk Intan) pula berpendapat golongan miskin, terutama masyarakat India adalah golongan yang paling terjejas berikutan masalah ekonomi sekarang.

Beliau meminta kerajaan memberi pertolongan terus kepada peniaga India.

"Mereka mungkin menutup perniagaan mereka jika kerajaan tidak membantunya dan ini akan menjejaskan 60,000 keluarga India yang bergantung hidup," katanya.

Dewan bersambung Rabu ini.

(END)